

TARIKH : 20 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

## Kerajaan jimat RM40b jika beri subsidi bersasar



### Kerajaan perlu cari ekanisme terbaik kenal pasti golongan layak dapat bantuan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

Kerajaan dijangka dapat menjimatkan hampir RM40 bilion jika inisiatif subsidi bersasar dilaksanakan secara berperingkat.

Penjimatan itu boleh disalurkan untuk tujuan lain termasuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, demikian menurut penganalisis ekonomi.

Profesor Adjung Tun Abdul Razak School of Government (TAR-SOG) Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Dr Zulkipli Omar, berkata tujuan asas subsidi adalah untuk menangani isu pengagihan di dalam ekonomi supaya rakyat menerima manfaat yang adil daripada kekayaan negara.

"Lantaran itu, jika subsidi perlu diguna pakai untuk tujuan pengagihan yang adil, subsidi bersasar adalah kaedah yang lebih sesuai. Ini kerana, hanya golongan yang sepatutnya menerima subsidi ini. Jika dilaksanakan, saya berpandangan ia perlu dilakukan secara berperingkat mengambil kira kesan terhadap inflasi dan juga bebanan terhadap perbelanjaan isi rumah.

"Sasaran utama untuk pengecualian subsidi boleh dimulakan daripada golongan T20. Dianggar-

kan separuh daripada subsidi dikecapi oleh golongan T20 kerana perbelanjaan mereka untuk barangan bersubsidi adalah lebih besar.

"Ini bermakna, kerajaan mampu menjimatkan separuh daripada peruntukan yang lazimnya disalurkan untuk subsidi. Sejak kebelakangan ini, perbelanjaan untuk subsidi hampir mencecah RM80 bilion. Ini bermakna jika dilaksanakan secara berperingkat dengan mengecualikan T20, hampir RM40 bilion boleh dijimatkan," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Zulkipli berkata, hasil penjimatan yang diperoleh daripada subsidi bersasar antara lain boleh digunakan untuk mengawal defisit belanjawan kerajaan supaya berada pada tahap yang lebih rendah.

Katanya, peruntukan juga boleh disalurkan untuk keselamatan sosial terutamanya dalam bentuk pemberian tunai kepada golongan rentan.

"Ini dapat dilaksanakan tanpa mengganggu peruntukan pembangunan. Bantuan tunai bersasar untuk golongan rentan juga mampu menjana pertumbuhan ekono-

mi melalui perbelanjaan swasta.

"Subsidi bersasar perlu dilaksanakan secara berperingkat. Jika pengecualian subsidi disasarkan kepada golongan T20, bila-bila masa pun adalah sesuai.

Beliau menjelaskan, mekanisme yang paling cekap dan berkesan dalam melaksanakan subsidi bersasar adalah di dalam bentuk pemberian tunai kepada golongan rentan.

"Cabaran utama adalah mengenal pasti golongan rentan. Peringkat permulaan, kerajaan boleh menggunakan maklumat sedia ada, iaitu berdasarkan penerima bantuan tunai sekarang seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR)," katanya.

#### Perbelanjaan lebih produktif

Pensyarah Ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, pula berkata penjimatan daripada pemberian subsidi bersasar boleh disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan dan mereka yang tidak patut mendapat bantuan perlu dikecualikan.

"Jadi, duit hasil penjimatan ini

boleh disalurkan kepada perbelanjaan yang lebih produktif berbanding dengan memberikan subsidi secara pukal semata-mata, seperti perbelanjaan terhadap inisiatif baharu yang dapat meningkatkan pendapatan rakyat, seperti program bantuan pendapatan asas, pemberian baucar makanan ataupun 'ration card' kepada yang memerlukan.

"Ia juga boleh digunakan untuk program perkhidmatan yang dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kemampunan pembangunan, seperti rumah mampu milik mesra alam, sistem pengangkutan awam berteknologi hijau," katanya.

Irwan Shah berkata, sudah tiba masanya kerajaan melaksanakan kaedah subsidi bersasar kerana ia berkait dengan dua isu utama yang dihadapi negara pada ketika ini, iaitu kos sara hidup yang melambung tinggi dan hutang kerajaan yang tidak mapan dan mampan.

"Dari segi subsidi petrol RON95 pula, perlu ada formula menang-menang antara pengguna, peniaga, dan kerajaan untuk memastikan apa pun mekanisme yang

dipilih, sama ada secara pengalangan terkawal ataupun model pengapungan sepenuhnya, pelaksanaannya tidak menjejaskan kesejahteraan rakyat, keuntungan peniaga, dan kekuatan kewangan negara," katanya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata sebagai permulaan, subsidi bersasar untuk bahan api sesuai dilaksanakan kerana harga komoditi utama dunia kini stabil, sebelum beralih kepada segmen lain seperti beras, gula dan tepung.

"Perlu ada projek perintis untuk menentukan mekanisme terbaik bagi melaksanakannya di seluruh negara sama ada di bandar, luar bandar mahupun pekan di sempadan negara.

"Sebagai contoh, stesen minyak dan penjualan gas petroleum cecair (LPG) dijual pada harga semasa, dan rakyat tempatan diperlukan memberikan pengenalan diri untuk membelinya pada kadar bersubsidi. Ini hanyalah satu cadangan dan pelbagai cara lain boleh dilakukan," katanya.

Subsidi bersasar perlu dilaksanakan secara berperingkat. Jika pengecualian subsidi disasarkan kepada golongan T20, bila-bila masa pun adalah sesuai



Zulkipli Omar,  
Profesor Adjung TAR-SOG  
Universiti Tun Abdul Razak

Duit hasil penjimatan ini boleh disalurkan kepada perbelanjaan yang lebih produktif berbanding dengan memberikan subsidi secara pukal semata-mata



Irwan Shah Zainal Abidin,  
Pensyarah Ekonomi UUM